

Banjir di Hilir Perak semakin pulih

IPOH 7 Nov. - Banjir yang melanda beberapa kampung di Hilir Perak semakin pulih apabila jumlah mangsa yang dipindahkan berkurangan daripada 278 orang kepada 192 orang hari ini.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, sebanyak 86 mangsa banjir dari Kampung Selabak Luar telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing awal pagi ini.

Menurut beliau, ketika ini hanya terdapat dua pusat pemindahan yang masih dibuka untuk menempatkan mangsa banjir iaitu di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong dan Dewan Orang Ramai Kampung Degong.

“Sebanyak 149 mangsa masih berada di pusat pemindahan di Kampung Batu 8 Changkat Jong dan 43 orang lagi di Kampung Degong, Sungai Rambai di sini. Yang lainnya telah dibenarkan pulang.

“Jika cuaca berterusan tidak hujan, saya jangkakan lebih ramai akan dibenarkan pulang dalam masa terdekat,” katanya di sini hari ini.